

ISNIN 17/6/2019

BIAR sekadar alas kaki, kasut memberi impak besar dalam penampilan individu. Reka bentuk, jenis hinggalah jenama menyaksikan kepelbagaian pilihan jejak dalam menyaring kasut idaman.

Andai bijak membuat percaturan, kasut yang digaya membuktikan keprihatinan individu dalam menata arus fesyen semasa.

Padanan warna kasut dengan pakaian serta jaket umpamanya, secara semula jadi memperlihatkan kepekaan si pemakai dalam bergaya. Kemampuan menyesuaikan kasut dengan majlis dihadiri juga penting supaya tidak mencuri tumpuan atas faktor salah.

Dalam lambakan pasaran kasut jejak sekarang, bukan lagi alasan andai lelaki mendakwa tiada pilihan. Melangkah ke alaf baru, kasut jejak melalui proses inovasi yang menyaksikan pelbagai rekaan bermutu tinggi dan praktikal dipasarkan pengeluar kasut.

Sebagai tip, ada pelbagai variasi kasut boleh digayakan lelaki. Kasut kulit, kasut sukan, kasut kanvas hinggalah sandal memberi makna besar dalam penampilan lelaki. Selain itu, faktor bentuk badan perlu juga diambil kira dalam memilih bentuk kasut.

Bukan saja sesuai digayakan ke pejabat, kasut kulit amat sesuai disarung ke acara sosial dan rasmi. Potongan kasut kulit yang berciri moden serta tirus adalah jalan paling selamat. Faktor potongan tirus dan panjang pada kasut kulit membolehkan ia mudah dipadankan dengan seluar denim, khaki mahupun korduroi.

Kasut kasual yang menggunakan bahan separa kulit dan kanvas pula mungkin idea terbaik buat jejak yang mementingkan faktor praktikal, kesesuaian acara serta pengaruh fesyen.

Kasut kasual banyak dilihat digayakan kelompok lelaki muda. Selain tidak bertapak seperti kasut kulit biasa, kasut kasual memperlihatkan suasana lebih santai dan relaks.

Kasut sukan pula tidak boleh dipisahkan dengan lelaki. Variasi kasut sukan meletakkan pelbagai acara mampu disesuaikan dengan



KASUT

PENGARUHI PENAMPILAN

sentuhan kasut sebegini. Usaha terlalu taksub untuk berimej sukan hingga mengabaikan soal gaya dan kesesuaian kasut dengan pakaian.

Paling penting, jangan sekali memilih kasut jogging untuk dipadankan ke acara istimewa. Sebaliknya, jenama kasut sukan memperlihatkan banyak rekaan yang mampu digayakan.

Sandal pula idea terbaik untuk lelaki yang memilih faktor keselesaan. Pemakaian sandal umumnya lebih sesuai untuk acara santai dan pada hujung minggu. Sandal kulit, getah dan plastik antara yang memberi kelainan dalam penampilan.

TIP PILIH KASUT

- Utamakan keselesaan kaki.
- Usaha taksub pada rekaan hingga mengabaikan faktor kesesuaian bentuk kaki.

- Tentukan saiz kaki anda. Jika menggunakan saiz lapan, jangan sesekali menggunakan saiz lebih kecil atau besar kerana ia memberi kesan kepada kaki untuk tempoh jangka panjang.

- Memakai kasut ketat boleh mengakibatkan tapak kaki sakit dan kesan lain.

- Kajian mendapati 80 hingga 90 peratus golongan dewasa di Malaysia menderita sakit kaki akibat sindrom reumatisme.

- Ini berpunca daripada memilih kasut yang tidak sesuai dengan bentuk kaki.

- Sekiranya anda mempunyai kaki bengkok ke dalam, pastikan kasut dipilih tidak memberi kesan kepada

anggota badan lain.

- Ketika membeli kasut, sarungkan pada kaki dan pastikan keseluruhan kasut tidak terasa ketat.

- Lebih baik membeli kasut ketika hari menjelang petang kerana otot kaki mengembang pada waktu itu. Jika anda membeli-belah, pastikan sesi membeli kasut mengisi agenda terakhir.

- Sebaiknya dapatkan nasihat pakar kasut sebelum memilih kasut.

- Jangan terpedaya dengan promosi dan tawaran kasut murah sehingga mengabaikan faktor keselesaan dan ciri-ciri praktikal kasut yang dihajati.